

AADK pertingkatkan kerjasama IPT banteras salah guna dadah

SEREMBAN 29 April - Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) komited dalam memerangi penyalahgunaan dadah khususnya dalam kalangan mahasiswa dan mahu semua pihak yang terlibat memberi kerjasama bagi membendung gejala tersebut daripada terus merebak.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Azizan Ariffin berkata, bagi memastikan sasaran itu tercapai, pihaknya akan bekerjasama dengan lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) untuk melaksanakan pelbagai program membanteras penyalahgunaan dadah.

"Kita melihat perkara ini amat penting dan sasaran untuk membanteras gejala tersebut akan ditingkatkan menerusi sokongan Kementerian Pendidikan bagi mem-

bendung penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar.

"Justeru, kita mengambil langkah bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menjayakan program seumpamanya bagi menyebarkan maklumat mengenainya," katanya dalam sidang akhbar sempena program Kampus Bebas Dadah USIM 2015, dekat sini hari ini.

Mengambil langkah lebih proaktif dalam menjayakan program membanteras penyalahgunaan dadah di peringkat IPT, AADK turut menyediakan geran penyelidikan dan telah meminta USIM melakukan kajian penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar universiti.

"Sasaran kita telah berubah yang mana lebih tertumpu kepa-

da pelajar dan hasil kajian tersebut nanti akan digunakan untuk memperkukuhkan lagi program kesedaran," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pihaknya turut mengambil inisiatif lain dalam memastikan tiada mahasiswanya terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

"Kita adakan pemeriksaan ram-bang terhadap pelajar baharu yang mendaftar masuk ke USIM tanpa mereka mengetahui bila dan di mana.

"Pemeriksaan tersebut dilakukan bagi memastikan mereka (pelajar baharu) tidak membawa masuk gejala tidak sihat ke dalam kampus selain kita yakin setiap pelajar sedia ada 'bersih' daripada dadah," katanya.



AZIZAN ARIFFIN (depan, tiga kanan) bersama **Musa Ahmad** (depan, dua dari kanan) melihat anggota Unit K-9 PDRM melakukan demonstrasi mengesan dadah sempena program Kampus Bebas Dadah USIM 2015 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA